



**PENILAIAN PELAKSANAAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM (GPI):
MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI NEGERI
TERENGGANU, MALAYSIA**

***(Evaluation of Teaching Implementation of Islamic Education Teachers:
Integrating High Order Thinking Skills (HOTS) in Terengganu, Malaysia)***

Mohd Syaubari Othman^{1*}, Mohd Ridhuan Mohd Jamil¹

¹Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding Author Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

Received: 2 June 2021 • Accepted: 10 October 2021 • Published: 31 October 2021

Abstract

This article aims to identify the evaluation of the teaching implementation of primary school Islamic education teachers integrating Higher Order Thinking Skills (HOTS). This study involved Islamic education teachers in the state of Terengganu. High -level thinking components such as contrast skills, sequencing skills, prediction skills, definition making skills and analogy creating skills are analyzed in the five main components of teacher teaching evaluation namely content delivery, implementation of questioning methods, enrichment methods, recovery methods and resource utilization. education. This study uses descriptive analysis (through a questionnaire instrument). All these data collection instruments were built by researchers with modifications from the HOTS instrument of the Ministry of Education Malaysia and the experts involved and their content was confirmed by an expert reference panel. The level of Cronbach's alpha reliability value obtained is high that is between (0.82173). A total of 402 GPIs were selected at simple random to answer the questionnaire instrument. Study data were analyzed descriptively using frequency and percentage of mean. Overall, the results of the study found that the evaluation of teacher teaching implementation based on high -level thinking skills is at a high level through the mean for the whole (4.43) and based on the teaching practice component consisting of the delivery of teaching content that recorded a mean (4.45), the implementation of questioning method recorded a mean (4.44), the implementation of enrichment methods recorded a mean (4.40), the implementation of rehabilitation methods recorded a mean (4.01) and the use of educational resources recorded a mean (4.12). The implications and recommendations presented provide a beneficial picture to the ministry, schools, teachers and the community to improve the

level of teaching implementation based on high-level thinking concept skills (HOTS) as intended through the Education Development Plan 2013-2025.

Keywords: *Evaluation of teaching implementation, Islamic Education teachers, HOTS*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penilaian pelaksanaan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah rendah mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam di negeri Terengganu. Komponen berfikir aras tinggi seperti kemahiran banding beza, kemahiran menyusun urutan, kemahiran membuat ramalan, kemahiran membuat definisi dan kemahiran mencipta analogi yang dianalisis dalam lima komponen utama penilaian pengajaran guru iaitu penyampaian isi pengajaram, pelaksanaan kaedah penyoalan, kaedah pengayaan, kaedah pemulihan dan penggunaan sumber pendidikan. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif (melalui instrumen soal selidik). Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina oleh pengkaji dengan pengubahsuaian daripada instrument KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar yang terlibat serta kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperoleh adalah tinggi iaitu antara (0.82173). Seramai 402 orang GPI dipilih secara rawak mudah untuk menjawab instrumen soal selidik. Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan min. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati penilaian pelaksanaan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi adalah berada pada tahap tinggi menerusi min bagi keseluruhan (4.43) dan berdasarkan komponen amalan pengajaran yang terdiri daripada penyampaian isi pengajaran yang mencatatkan min (4.45), pelaksanaan kaedah penyoalan mencatatkan min (4.44), pelaksanaan kaedah pengayaan mencatatkan min (4.40), pelaksanaan kaedah pemulihan yang mencatatkan min (4.01) dan penggunaan sumber pendidikan yang mencatatkan min (4.12). Implikasi dan cadangan yang dikemukakan memberi gambaran yang bermanfaat kepada kementerian, sekolah, guru dan masyarakat untuk mempertingkatkan tahap pelaksanaan pengajaran berdasarkan kemahiran konsep berfikir aras tinggi (KBAT) seperti yang dihasratkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

Kata Kunci : Penilaian pelaksanaan pengajaran, guru Pendidikan Islam, KBAT

Cite as: Othman, M.S., Jamil, M.R.M. (2021). Evaluation of Teaching Implementation of Islamic Education Teachers: Integrating High Order Thinking Skills (HOTS) in Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal*, 4(2), 16-28.

PENGENALAN

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang memerlukan mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan taksonomi bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat hierarki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut Amabile, T. M., & Pratt, M. G. (2016) “Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas-tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi”. Maka pengertian ini bertepatan dengan penekanan yang diberikan oleh Islam iaitu keupayaan akal merupakan elemen utama dalam pembentukan pelajar yang bersifat holistik iaitu keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan kematapan sahsiah. Islam menekankan penggunaan akal yang optimum sejak berates tahun dahulu sebelum barat memperkenalkan, namun ianya tidak digarapkan dan ditransformasikan sehingga memperlihatkan bahawa ilmuan barat yang meneroka pemikiran aras tinggi ini. Ini dibuktikan daripada ayat Al-Quran. Perkara ini di sokong daripada ungkapan oleh Muaz Bin Jabal ketika ditanya oleh Rasulullah s.a.w :

“Bagaimana engkau akan memutuskan hukum jika ditanyakan perkara kepadamu?” Mu’adz menjawab, “Saya akan memutuskan perkara itu sesuai dengan hukum Allah (Kitabullah). Apabila aku tidak menjumpai di dalam Kitabullah, aku akan memutuskan dengan Sunnah Rasulullah, saya akan melakukan ijtihad dengan kemampuanku”.

Rahman, N. A. et al (2007).

Maka proses transformasi Pendidikan Islam telah dirancang berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pengajaran dan pembelajaran(PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akidah yang mantap di kalangan pelajar (Nawi, 2011; Othman & Kassim, 2021).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi menurut Collins, R. (2014) adalah mempersoalkan, berupaya, memahami dan menganalisa sesuatu untuk memahami pemikiran sendiri dan orang lain. Di antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini adalah melalui berfikir aktif, melihat konteks persekitaraan berdasarkan persepektif yang berbeza dan menyusun setiap idea dengan teratur (Saad et al., 2012). Maka dalam kajian ini akan menggunakan pembolehubah iaitu kemahiran dalam melaksanakan KBAT di dalam pengajaran guru seperti berikut :

Kemahiran membuat kategori

Kemahiran ini memerlukan keupayaan pelajar untuk membina kefahaman tentang perbezaan yang wujud dalam sesuatu kandungan seperti amalan ibadah yang dikategorikan ibadah atau yang dikategorikan adat. Maka menjadi keperluan kefahaman pelajar di isi dengan pengetahuan amalan ibadah dan adat seperti yang terdapat di dalam kandungan pengajaran (Zainuddin & Razak, 2021).

Kemahiran menyusun mengikut urutan

Penyusun mengikut urutan adalah kemahiran yang dijana menerusi pemikiran yang kritikal dan tersusun. Penyusunan ini melibatkan sama ada daripada abstrak kepada kejelasan, mudah kepada susah, khusus kepada umum dan keutamaan kepada kebiasaan. Penyusunan ini dilakukan dengan mengumpul keseluruhan kandungan isi penyusunan dan kemahiran ini memerlukan penganalisan yang tinggi di dalam memastikan susunan yang dilakukan adalah bertepatan dengan struktur ilmu terbabit (Rajendran & Manusia, 2001; Zainuddin et al., 2021).

Kemahiran membuat ramalan

Kemahiran mengandaikan perkara yang dijangka berlaku daripada pendekatan yang kita gunakan adalah melalui terma-terma yang telah ditetapkan. Keupayaan untuk menjangka ini memerlukan menganalisis dan menilai keseluruhan item agar segala dapatan menuju kepada perkembangan yang sepatutnya. Kemampuan membuat ramalan mampu menjadi pembudayaan untuk menganalisis adalah sebahagian kerangka penerapan kepada para pelajar (Gek, 2017).

Kemahiran menjana idea

Keupayaan pelajar untuk mengembangkan fakta yang di dapati berdasarkan pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Proses penjanaan idea ini memerlukan penstrukturan dan panduan agar idea yang dikembangkan bertepatan dengan kehendak objektif yang dikendaki. Proses penjanaan idea memerlukan penguasaan kemahiran oleh guru melalui kefahaman berkaitan bagaimana idea yang seharusnya dikembangkan dan dihubungkan dengan idea yang lain (Lasan et al., 2017).

Kemahiran mencipta definisi

Keupayaan pelajar untuk mendefinisikan sesuatu perkara menandakan kefahaman yang ada pada pelajar. Definisi merupakan gambaran keseluruhan sesuatu kandungan ilmu yang menjadi kerangka untuk penghuraian seterusnya yang lebih mendalam. Guru bertanggungjawab membimbing pelajar untuk mempunyai kemahiran dalam pendefinisian sesuatu kandungan ilmu walaupun setiap pelajar mungkin mempunyai kepelbagaian definisi tetapi selagi berada di dalam lingkungan ilmu tersebut, maka definisi harus diterima (Lasan et al., 2017).

Kemahiran mencipta analogi

Proses kemahiran untuk mencipta perumpaan atau analogi memerlukan kefahaman yang sepenuhnya dalam kandungan ilmu kerana menghubungkan kaitkan kandungan ilmu dengan situasi semasa memerlukan keupayaan menganalisa dan mengaplikasi yang tinggi di kalangan pelajar. Ketidakmampuan untuk mencipta analogi menandakan penguasaan yang belum sepenuhnya berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), maka guru perlu menerapkan kemahiran ini di dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang di jalankan (Gek, 2017; Zainuddin et al., 2021).

Pelaksanaan KBAT ini melibatkan keseluruhan kandungan pembelajaran dan kompenan di sekolah termasuk mata pelajaran pendidikan Islam. Pengenalan kurikulum, pedagogi dan penilaian yang menekankan KBAT ini diintegrasikan menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan pada tahun 2011. Pembentukan kurikulum ini bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan meletakkan elemen pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan konsep penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian seiring dengan penekanan yang ditekan dalam Al-Quran dan As-Sunnah (Abu Bakar et al., 2017).

Al-Quran amat menekankan penggunaan akal yang seharusnya melibatkan elemen kefahaman, pengaplikasian, penghayatan dan penerapan dalam kehidupan seharian. Maka peranan akal dibahasakan di dalam Al-Quran dengan matlamat bagaimana manusia boleh menggunakan akal seiring dengan peredaran pemikiran manusia pada abad ini. Ini boleh diperjelaskan melalui firman Allah S.W.T bermaksud: Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2021).

“Apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan (memikirkan) kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi sesudah (datangnya al-Quran) itu mereka akan beriman?”

(al-A'raf, 7: 185)

Maka proses perkembangan budaya penggunaan akal ini di aplikasikan kepada proses pendidikan yang merupakan asas utama kepada perkembangan penggunaan akal dan pemikiran yang beraras tinggi di kalangan pelajar dan ini seiring dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah (Baba & Zayed, 2015). Walaupun tumpuan utama kepada mata pelajaran seperti matematik dan sains, mata pelajaran pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menerapkan elemen pemikiran aras tinggi kerana ianya merupakan saranan yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran (Mokhtar, 2018). Maka kajian ini menjadikan proses pengajaran sebagai tumpuan utama kajian dengan aspek permulaan pengajaran diberi penekanan. Ini kerana kebanyakan kajian berkaitan KBAT difokuskan kepada elemen tahap kesediaan guru, kemahiran guru dan sikap guru dalam melaksanakan di dalam PdP.

Penilaian Kefahaman Pelajar

Menilai asas kefahaman pelajar merupakan proses mengukur tahap kebolehan dan kefahaman pelajar berasaskan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam mengikuti proses pengajaran (Al-Qabisi, 1955; Nawi & Nor, 2020). Kajian oleh Ghazali, (2017) oleh menggariskan penilaian perlu menepati objektif yang telah ditetapkan. Namun dapatan Jamil et al., (2019) oleh pelaksanaan penilaian kefahaman pelajar perlu bersifat menyeluruh, mendalam, memenuhi kriteria sukatan dan berstruktur kerana berupaya mempengaruhi tahap amalan pedagogi guru di bilik darjah. Proses pelaksanaan penilaian dikategorikan kepada dua komponen utama iaitu penilaian secara bertulis (sumatif) dan penilaian secara (formatif). Justeru itu, guru yang menilai keseluruhan kefahaman pelajar memerlukan pengintegrasian elemen KBAT supaya kefahaman dapat diterjemahkan dari konteks penjana idea dan tingkah laku. Perincian penterjemahan elemen KBAT ini dijelaskan menerusi Jadual 1 seperti berikut.

Jadual 1: Pelaksanaan Menilai Kefahaman Pelajar yang Mengintegrasikan Elemen KBAT

Bil.	Konsep Pelaksanaan Menurut Islam	Aras Pemikiran	Pelaksanaan Menilai Kefahaman Pelajar yang Mengintegrasikan KBAT
1.	Penilaian kefahaman pelajar perlu berteraskan (<i>aql' tamyiz</i>) menerusi keupayaan pelajar menyatakan kefahaman secara menyeluruh dan tidak hanya menggunakan elemen kognitif sahaja. Ahmad, (2004).	Mengaplikasi	Pelaksanaan menilai kefahaman pelajar secara mengaplikasi adalah bagaimana penilaian dilaksanakan menerusi keupayaan pelajar untuk mengaitkan pada situasi yang lain (Ismail & Hamzu, 2020). <i>Sebagai contoh, guru menilai keupayaan pelajar menerusi kebolehan pelajar menyatakan secara lisan dan bertulis berkaitan sifat-sifat Allah swt dan mengaitkan dengan situasi yang berlaku</i>

			<i>dalam amalan seharian seperti tingkah laku bekerja, bermain atau menguruskan keluarga</i>
2.			<i>Sebagai contoh untuk tajuk amalan dosa dan pahala, guru berperanan menyenaraikan penilaian menerusi ujian. Dari sini, guru mengetahui sama ada pelajar sudah menguasai sepenuhnya amalan yang menghasilkan pahala atau sebaliknya berasaskan penyooalan yang mengabungkan elemen analisis, perbandingan dan refleksi bagi membentuk pemikiran pelajar yang kritis.</i>
3	Penilaian kefahaman pelajar perlu berteraskan (<i>aql' nazoni</i>) pembentukan kefahaman pelajar untuk menilai secara kritikal, bersifat keluasan konteks dan bersumberkan justifikasi yang jelas. Ahmad, (2004).	Menilai	Menurut Nawi et al., (2015) proses penilaian dilaksanakan untuk mengukur secara keseluruhan merangkumi aspek sikap, komitmen, keupayaan menganalisis, berfikir secara kritikal dan kerjasama kumpulan yang merupakan sebahagian komponen dengan dikelompokkan kepada dua iaitu penilaian secara formatif dan penilaian secara sumatif. <i>Sebagai contoh, guru menilai keupayaan pelajar menerusi kebolehan pelajar menyatakan secara sumatif dan formatif berkaitan sifat-sifat Allah menurut dalil-dalil yang sahih sama ada dalil naqli dan aqli.</i>
4	Penilaian kefahaman pelajar berasaskan aras mencipta menerusi pengukuran tahap kefahaman, penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menerusi konsep kesempurnaan ilmu untuk mencapai matlamat yang utama (<i>al-hakikah al-insaniyyah</i>) iaitu mendekatkan diri kepada Allah swt seiring dengan peningkatan dalam pencapaian berteraskan kognitif (Ahmad, 2004).	Mencipta	Panduan dalam menilai kefahaman pelajar berasaskan iaitu penilaian yang dilaksanakan bermatlamat membina pengetahuan pelajar yang yang mampu menjana idea baru berasaskan maklumat yang diperolehi semasa proses pengajaran dilaksanakan <i>Sebagai contoh guru membentangkan tajuk "Beriman kepada sifat Allah (Qudrat)", dengan menilai sejauh manakah pelajar dapat mengadaptasi dan menterjemahkan konsep tajuk ini melalui perkaitan dengan amalan kehidupan seharian. Maka proses penilaian ini akan berlaku sepanjang pengajaran dilaksanakan sehingga akhir pengajaran.</i>

(Sumber : Al-Qabisi, 1955; Ahmad, 2004)

Keupayaan penggunaan akal meletakkan masyarakat dunia mempercayai bahawa pengetahuan dan kemahiran sangat diperlukan oleh pelajar dalam menghadapi cabaran di abad ke-21. Walaupun terdapat perbezaan dari segi maksud terminalogi kemahiran abad ke-21 (*21st century skills*) di antara negara-negara di dunia, namun

kesemuanya memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran dan nilai (Saavedra & Opfer, 2012). Selain itu, Laporan yang dikeluarkan oleh *Perunding Kestrel Education* daripada England dan *21st Century School* daripada Amerika Syarikat pada 2011 menyatakan KBAT dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah. Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan, guru yang melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi berdasarkan KBAT berupaya untuk meningkatkan kefahaman dan perubahan dalam amalan sikap pelajar (Boaler, 2008; Ghazali, 2017).

Seterusnya berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Othman & Kassim, 2021) terhadap 89 daripada 91 orang pelajar di negeri Selangor, Perak dan Terengganu mendapati kaedah pengajaran yang kerap digunakan GPI ialah kaedah kuliah dan penerangan dalam pengajaran pendidikan Islam. Ini bererti kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam masih berpusatkan guru dan ini berkecenderungan menjejaskan tahap kefahaman pelajar dan mendapati konsep perkembangan pengajaran adalah elemen yang signifikan dalam menentukan hala tuju pengajaran sama ada menghasilkan keberkesanan atau tidak. Kajian ini disokong berdasarkan kajian (yang mendapati GPI menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) ketika waktu pengajaran pendidikan Islam berada pada tahap sederhana sahaja disebabkan tumpuan pengajaran kepada kaedah penerangan sahaja. Ini bertentangan dengan amalan pengajaran KBAT yang mengkehendaki BBM digunakan secara optimum khususnya di peringkat perkembangan pengajaran bagi menjelaskan sesuatu permasalahan terutamanya yang melibatkan penggunaan tayangan video, internet interaktif dan jaringan maya.

Ini juga seiring dengan kajian dilakukan oleh Jamil, (2019) yang mendapati GPI menyampaikan pengajaran menggunakan 80% kaedah kuliah dan syarahan dalam sesuatu masa yang diperuntukkan. Ini menyebabkan wujudkan elemen kebosanan, tiada kefahaman, tidak dapat mengaitkan dengan situasi semasa, mengantuk dan hilang tumpuan di kalangan pelajar. Ini disokong berdasarkan kajian Ahmad et al., (2010), proses pendidikan itu dijalankan kepada pelajar-pelajar bagi peringkat persekolahan rendah, pembentukan elemen-elemen imaginasi, animasi, fantasi dan muzikal adalah di antara pendekatan yang bersesuaian dalam proses pengajaran yang berkesan kepada peringkat kanak-kanak yang berumur 7-12 tahun. Akibatnya, generasi Islam yang dihasilkan mungkin bijaksana dan tinggi tahap perkembangan akademik tetapi pada hakikatnya ketidakmampuan menterjemahkan kefahaman yang diperolehi dalam bentuk penghayatan akidah yang mantap serta bertepatan dengan syariat Allah S.W.T. Maka menjadi keperluan keseimbangan ini di praktikan dalam setiap diri pelajar dan ini menjadi keperluan KBAT untuk dilaksanakan di dalam Pendidikan Islam seiring dengan penerapan bagi subjek lain seperti sains dan matematik (Hashim, 1996).

Oleh itu, kajian ini mengisi ruang bagi kajian terdahulu berkaitan bagaimana kaedah pengajaran yang berkesan dengan memperincikan lagi elemen pedagogi dengan peringkat perkembangan pengajaran menjadi fokus utama. Seterusnya kajian ini menghubungkan amalan perkembangan pengajaran dengan pengaplikasian KBAT di kalangan GPI sekolah rendah dengan pembahagian lima komponen utama iaitu perancangan pengajaran, penetapan objektif pengajaran dan set induksi. Kesemua komponen perkembangan pengajaran ini merupakan proses yang penting kepada pelaksanaan KBAT khususnya kepada keseluruhan amalan pengajaran GPI.

Objektif utama kajian ini adalah bagi mengenalpasti penilaian pelaksanaan pengajaran guru pendidikan Islam menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar di Negeri Terengganu, Malaysia dan mengenalpasti penilaian pengajaran pelaksanaan guru pendidikan Islam menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan kelayakan akademik di Negeri Terengganu, Malaysia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan lima komponen utama Creswell, & Zhang, (2009) .

- a) Penilaian penyampaian isi pengajaran
- b) Penilaian pelaksanaan kaedah penyoalan
- c) Penilaian pelaksanaan kaedah pengayaan
- d) Penilaian pelaksanaan kaedah pemulihan
- e) Penilaian penggunaan sumber pendidikan

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generalisasi. Kajian ini menggunakan instrumen bagaimana penilaian pelaksanaan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang telah dilaksanakan dalam pengajaran pendidikan Islam.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam bagi peringkat sekolah rendah di Terengganu yang berjumlah 402 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan 3 zon utama di Selangor melibatkan Terengganu Utara, Terengganu Tengah dan Terengganu Selatan. Jumlah keseluruhan guru pendidikan Islam di Terengganu adalah 5,502 orang berdasarkan maklumat daripada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Terengganu namun berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, (1970), Majid (2005) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 382 orang, namun dalam kajian ini menggunakan 400 orang guru terlibat dalam kajian ini. Guru-guru yang terpilih adalah di antara guru-guru yang mengajar berdasarkan jantina, kelayakan akademik, umur dan pengalaman mengajar.

Pengumpulan dan Analisis Data

Dapatan data yang diperolehi ini akan dianalisis oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian ini. Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenalpasti pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi dengan melihat dari perspektif sekolah rendah.

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* mencatatkan (0.82173). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. Majid M, 2005; Pallant, J. (2013). Jadual 2 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan melibatkan komponen penyampaian isi pengajaran yang mencatatkan (0.7727), pelaksanaan kaedah penyoalan (0.8905), pelaksanaan kaedah pengayaan (0.8020), pelaksanaan kaedah pemulihan (0.7954) dan penggunaan sumber pendidikan yang mencatatkan (0.8214).

Jadual 2 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Penyampaian isi pengajaran	0.7727
Pelaksanaan kaedah penyoalan	0.8905
Pelaksanaan kaedah pengayaan	0.8020
Pelaksanaan kaedah pemulihan	0.7954
Penggunaan sumber pendidikan	0.8214

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min

Analisis Kajian

Data telah di ringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar berdasarkan guru pendidikan Islam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pendidikan Islam.

Jadual 3 : Analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar berdasarkan GPI

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
Jantina		
1) Lelaki	183	37.75
2) Perempuan	249	62.25
Umur		
1) Kurang 35 tahun	113	28.25
2) 35 – 45 tahun	188	47.00
3) 46 tahun ke atas	169	24.75
Taraf Pendidikan		
1) STPM	68	17.0
2) Diploma	211	52.75
3) Sarjana Muda	83	20.75
4) Sarjana	38	9.50
Pengalaman Mengajar		
1) 1 – 4 tahun	68	17.0
2) 5- 8 tahun	83	20.75
3) 9 -12 tahun	38	9.5
4) Lebih 13 tahun	211	52.75

Berdasarkan jadual ini, taburan jantina bagi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 151 lelaki dan 249 perempuan dengan majoritinya berumur di dalam lingkungan 35-45 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan guru berada pada tahap produktif dalam menyumbang kepada amalan permulaan pengajaran yang berkesan dan berteraskan KBAT. Kajian ini juga melibatkan guru yang berumur kurang daripada 35 tahun iaitu seramai 113 orang dan guru yang berumur 46 tahun ke atas seramai 169 orang. Bagi kategori taraf pendidikan, di dapati ramai guru yang berada pada tahun diploma dan sedang melanjutkan pengajian bagi peringkat ijazah, ini membuktikan guru mempunyai komitmen meningkatkan pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran yang berkesan dan ini merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu guru berpengetahuan. Bagi kategori taraf pendidikan ini didapati guru yang mempunyai taraf STPM adalah seramai 68 orang, di ikuti Ijazah sarjana muda seramai 83 orang dan peringkat sarjana seramai 38 orang.

Untuk kategori pengalaman mengajar didapati guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 13 tahun iaitu seramai 211 orang dan ini menggambarkan tidak akan wujud permasalahan dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini disebabkan mempunyai asas pengajaran yang mampu dalam mempelbagaikan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar. Bagi kategori pengalaman mengajar ini, guru yang kurang daripada 4 tahun adalah seramai 68 orang, 9 hingga 12 tahun seramai 38 orang dan 5 hingga 8 tahun seramai 83 orang.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian seperti di dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Dapatan Keseluruhan Kajian

Pernyataan	Purata Min Tahap	
1. Penilaian pelaksanaan KBAT pada penyampaian isi pengajaran	4.45	Tinggi
2. Penilaian pelaksanaan KBAT pada pelaksanaan kaedah Penyoalan	4.44	Tinggi
3. Penilaian pelaksanaan KBAT pada pelaksanaan kaedah Pengayaan	4.40	Tinggi
4. Penilaian pelaksanaan KBAT pada pelaksanaan kaedah Pemulihan	4.12	Tinggi
5. Penilaian pelaksanaan KBAT penggunaan sumber Pendidikan	4.09	Tinggi
Purata	4.13	Tinggi

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian adalah berdasarkan komponen perkembangan pengajaran yang terdiri daripada penyampaian isi pengajaran, pelaksanaan kaedah penyoalan, pelaksanaan kaedah pengayaan, pelaksanaan kaedah pemulihan dan penggunaan sumber pendidikan

Dapatan penilaian pelaksanaan penyampaian isi pengajaran

Pengkaji mendapati pengaplikasian KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dikalangan guru-guru sekolah rendah di pada pelaksanaan penyampaian isi pengajaran berada pada tahap tinggi dengan purata min (4.21). Berdasarkan dapatan kajian bagi item yang mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru sentiasa menetapkan berinteraksi dengan pelajar berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap tajuk yang telah di ajarkan. Ini membuktikan guru sentiasa mengambil berat elemen komunikasi dua hala berdasarkan tahap keupayaan pelajar. Namun proses penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru memohon pandangan pelajar berkaitan objektif yang bersesuaian untuk digunakan dalam pengajaran. Ini kerana masa yang diperuntukkan adalah terhad, maka proses penyampaian yang digunakan kebiasaan terhad dan tidak bersifat menyeluruh. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud pengamalan yang tinggi dalam amalan penyampaian isi pengajaran di dalam amalan pengajaran guru pendidikan Islam di negeri Selangor.

Dapatan penilaian pelaksanaan kaedah penyoalan

Guru-guru mengaplikasikan KBAT pada peringkat pelaksanaan kaedah penyoalan berada pada tahap yang tinggi dengan purata min (4.11). Berdasarkan dapatan kajian peratusan min yang tertinggi adalah guru melakukan penyoalan isi kandungan berasaskan kefahaman pelajar dengan tertakluk kepada sukatan yang telah ditetapkan. Ini membuktikan guru menggunakan soalan yang jelas untuk meningkatkan keupayaan pelajar melalui aktiviti yang bersifat inkuiri dan persoalan. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru memberi masa kepada pelajar untuk memberi jawapan yang ditetapkan dengan jelas, ini pendekatan yang sukar dilaksanakan di peringkat sekolah rendah kerana tahap kemampuan memahami konsep matlamat sesuatu isi pengajaran berada pada tahap rendah dan memerlukan bimbingan yang berterusan dalam memastikan pelajar memahami apa tujuan sesuatu tajuk itu diajarkan

Dapatan penilaian pelaksanaan kaedah pengayaan

Guru-guru mengaplikasikan KBAT pada peringkat pelaksanaan kaedah pengayaan pelajar berada pada tahap yang tinggi dengan purata min (4.09). Berdasarkan dapatan, yang mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru melaksanakan pengayaan berkaitan pengajaran menerusi keupayaan pelajar memahami tajuk yang di ajar. Ini membuktikan guru melaksanakan pengayaan pelajar berdasarkan tahap kefahaman, keupayaan dan kemampuan pelajar tetapi akhirnya guru akan membuat rumusan keseluruhan. Namun begitu, elemen penilaian kefahaman KBAT pelajar sewajarnya tidak difokuskan hanya kepada penilaian berorientasikan peperiksaan sahaja tetapi seharusnya pelajar didedahkan dengan bagaimana proses penjanaan idea KBAT itu dapat dilaksanakan agar proses pengayaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selain itu, di dalam kajian ini juga mendapati, masih terdapat guru mengukur pelaksanaan kefahaman pelajar hanya bertujuan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penguasaan ilmu kerana guru terikat dengan sukatan yang ditetapkan. Penilaian berdasarkan keupayaan pelajar ini adalah perkara yang memerlukan pertimbangan yang menyeluruh di kalangan guru pendidikan Islam dari segala aspek dan situasi Rumusan menerusi tinjauan awal ini mendapati sememangnya wujud pengamalan yang tinggi penilaian kefahaman pelajar di dalam amalan pengajaran guru pendidikan Islam berteraskan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

RUMUSAN

Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa penilaian pelaksanaan KBAT berlaku di dalam amalan pengajaran guru pendidikan Islam namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan seperti interaksi pelajar sesama pelajar ketika proses refleksi objektif dilaksanakan, pengendalian sesi perbincangan di kalangan pelajar dan guru di dalam merumuskan isi pengajaran dengan meletakkan matlamat penguasaan pelajar menerusi KBAT ini dapat dicapai. Selain itu menerusi kajian ini keupayaan guru untuk menghasilkan penilaian yang berorientasikan kepada penjanaaan idea, membandingkan, mengembangkan dan menyelesaikan masalah di kalangan pelajar memerlukan proses perancangan yang tersusun daripada guru. Selain itu, hasil kajian ini, menunjukkan beberapa penambahbaikan di peringkat refleksi objektif, merumuskan isi pengajaran dan menilai kefahaman pelajar hendaklah menekankan aspek-aspek yang berikut iaitu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan hendaklah melalui perancangan yang berterusan bersumberkan prinsip dan konsep KBAT dan ianya harus meliputi keseluruhan peringkat pengajaran.

Kajian ini juga merumuskan kepelbagaian aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah berteraskan objektif pengajaran. Selain itu, elemen penilaian bersifat subjektif perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan agar penerapan KBAT dapat difahami dan dihayati secara sepenuhnya. Semua persoalan yang dilaksanakan semasa penutup pengajaran ini merupakan penentuan kepada terhasilnya pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi di dalam PdP pendidikan Islam. Rumusannya keseluruhan daripada dapatan kajian ini dapat mengukuhkan dan memantapkan isi kandungan pengajaran guru di dalam proses pelaksanaan penutup pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam yang berorientasikan KBAT dan menfokuskan kepada terma-terma penting di dalam elemen pemikiran aras tinggi (KBAT) serta beberapa persoalan-persoalan baru dalam memantapkan kefahaman pelajar tentang kepentingan untuk memahami, menganalisis dan menerapkan amalan di dalam kehidupan seharian pelajar.

RUJUKAN

- Abu Bakar, M., Shaari, A. S., & Mohd Dzahir, N. F. (2017). Understanding and challenges of teachers toward professional learning community implementation in primary schools
- Ahmad, Z. (2004). *The Epistemology of Ibn Khaldun*. Routledge.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufasssalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah ;Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Amabile, T. M., & Pratt, M. G. (2016). The dynamic componential model of creativity and innovation in organizations: Making progress, making meaning. *Research in organizational behavior*, 36, 157-183.
- Baba, S., & Zayed, T. M. (2015). Knowledge of shariah and knowledge to manage 'self' and 'system': Integration of Islamic epistemology with the knowledge and education. *Journal of Islam, Law and Judiciary*, 1(1), 45-62.
- Boaler, J. (2008). Promoting 'relational equity' and high mathematics achievement through an innovative mixed-ability approach. *British Educational Research Journal*, 34(2), 167-194.
- Collins, R. (2014). Skills for the 21st Century: teaching higher-order thinking. *Curriculum & Leadership Journal*, 12(14), 33-48.
- Creswell, J. W., & Zhang, W. (2009). The application of mixed methods designs to trauma research. *Journal of Traumatic Stress: Official publication of the international society for traumatic stress studies*, 22(6), 612-621.
- Gek, C. B. (2017). *Pengetahuan dan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru*

- Teknik dan Vokasional* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ghazali, H. H. (2017). *Keberkesanan kaedah pembelajaran teradun dalam cerpen* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Hashim, R. (1996). *Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice* (pp. 4314-4314). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ismail, H., & Hamzu, N. N. (2020). Pengintegrasian KBAT dalam Pengajaran Matematik semasa Praktikum dalam Kalangan Bakal Guru Sekolah Rendah: Integration of HOTS in Mathematics Teaching during Practices in Primary Schools. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 80-89.
- Jamil, T. N. H. T., Abd Khafidz, H., & Osman, K. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakkur: High Order Thinking Skills through Tadzakkur Approach. *'Abqari Journal*, 19(1), 33-45.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lasan, T. R. T., Noh, M. A. C., & Hamzah, M. I. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15-28.
- Mokhtar, M. B. M. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Penulisan Karangan Argumentatif* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Nawi, N. H. M. (2011). Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden.
- Nawi, M. Z. M., & Nor, M. A. M. (2020). Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi: Al-Qabisi's Thoughts on Islamic Education Curriculum and Philosophy. *Sains Insani*, 5(1), 187-193.
- Nawi, A., Hamzah, M. I., Ren, C. C., & Tamuri, A. H. (2015). Adoption of Mobile Technology for Teaching Preparation in Improving Teaching Quality of Teachers. *International Journal of Instruction*, 8(2), 113-124.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2021). Keberkesanan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak (The Effectiveness of Teaching Practice among the Islamic Education Teachers Through High Order Thinking Skills (HOTS) in The Islamic Education Subject in The State of Perak). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(1), 75-86.
- Pallant, J. (2013). *SPSS survival manual*. McGraw-hill education (UK).
- Rahman, N. A., Jantan, J., Ayop, S. K., Karim, M. M. A., Razalee, N. A., Haron, R., & Rejab, A. B. (2007). The Relationship between UPSI Lecturers' Perceptions of their Teaching Practices and Students' Conceptions of Force and Motion. *International Journal of Learning*, 14(1).
- Rajendran, N. S., & Manusia, F. S. K. D. P. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran. In *Pembentangan Kertas Kerja dalam Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster_ Warisan-Pendidikan-Wawasan 'anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, dari*.
- Saad, S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2012). Teaching Thinking Skills: Perception and Practice of in Teaching and Learning of Mathematics Teacher in the Classroom (18-36). *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 2(2), 18-36.
- Zainuddin, M. Z., & Razak, K. A. (2021). Pengetahuan Akidah dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The Knowledge Of Faith And Practice Of Worship Of Secondary School Students. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(4), 80-95.